

RHB PRIVACY NOTICE

You understand that RHB Islamic Bank Berhad (680329-V) ("**RHB**") will use, collect, record, store, share and/or process your personal information, including, without limitation, your contact details, background information, financial data, tax residency and other information relevant to your application for the product and / or service which

- (a) you have provided in this form or through any other contact with RHB Banking Group (which shall include its holding company, subsidiary(s), and any associated company(s), including any company as a result of any restructuring, merger, sale or acquisition), or
- (b) has been obtained from analysis of your payment and other transactions/services within the RHB Banking Group, or
- (c) has been obtained from third parties such as employers, joint applicants/accountholders, guarantors, legal representatives, industry/financial related associations, government/regulatory authorities, credit bureaus or credit reporting agencies, retailers, social networks and fraud prevention agencies or other organizations

for any and/or all of the following purposes ("**Purpose**"), if applicable:

- (i) providing this product and/or service and notifying you about important changes or developments to the features;
- (ii) updating and managing the accuracy of RHB Banking Group's records;
- (iii) prevention, detection or prosecution of crime, and complying with legal and regulatory obligations;
- (iv) assessment and analysis including credit / lending / insurance risks / behaviour scoring / market and product analysis and market research;
- (v) communications and ensuring customer satisfaction, which may include conducting surveys to improve the quality of our products and services, responding to inquiries and complaints and to generally resolve disputes;
- (vi) determining the amount of your indebtedness and recovering debt that you owe to RHB;
- (vii) maintaining your credit history for present and future reference;
- (viii) enabling an actual or proposed assignee of RHB, or participant or sub-participant of RHB to evaluate your transactions which are intended to be the subject of the assignment, participation or sub-participation;
- (ix) cross-selling, marketing and promotions of products and/or services of RHB Banking Group and its strategic alliances;
- (x) for RHB's corporate events (including networking events, launching of products, etc) /contests, of which photographs / images of you may be captured and may be used for RHB's publications; or
- (xi) protecting RHB Banking Group's interests and other ancillary or related purposes.

You understand and acknowledge that it is necessary for RHB to process your personal information for the Purpose, without which RHB will not be able to provide the product/service that you have requested from RHB and to notify you about important changes or developments to the products/services. Where you have provided RHB with sensitive personal information (in particular, information consisting your physical/mental health for applications of insurance products/services), you hereby provide RHB with your express consent to process the same in the manner described in this Privacy Notice. You may exercise your options in respect of receiving marketing materials (including cross-selling, marketing and promotions as described above) at any time by visiting [insert hyperlink] or contact [insert contact details].

You understand that RHB may disclose your personal information (or sensitive personal information, if applicable) to other companies within the RHB Banking Group, service providers, merchants and strategic partners, vendors including debt collection agencies, professional advisers, industry/financial related associations, credit bureaus or credit reporting agencies and fraud prevention agencies, governmental agencies, other financial institutions and any of their respective agents, servants and/or such persons, whether located within or outside Malaysia for the Purpose, if applicable, subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to RHB. You further understand that you may request for correction (if your personal information is inaccurate, outdated, incomplete, etc), access to (a prescribed fee may be charged), or deletion (if you no longer have any existing products/services with RHB Banking Group) of your personal information or limit the processing thereof at any time hereafter by submitting such request via post, email or fax to the following address:

RHB Banking Group Customer Care Centre
Level 7 Menara AA, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telephone number: 03 9206 8118
Facsimile number: 03 9206 8088
Email: customer.service@rhbgroup.com

You acknowledge that RHB Banking Group may modify or update its Privacy Notice from time to time, a copy of which is available at www.rhbgroup.com and that you may channel any complaints or inquiries you may have in the manner indicated above.

[This paragraph is only applicable to RHB Investment Bank Berhad customer(s), if any]

You understand that RHB is regulated by Bursa Malaysia, and that your personal information may be disclosed to the relevant Bursa entity (which shall include Bursa Malaysia Berhad, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad, or Bursa Malaysia Derivatives Berhad, etc) (collectively, "**Bursa Malaysia**") for legal, regulatory and administrative purposes, if applicable. Where your personal information is provided to Bursa Malaysia, you understand that Bursa Malaysia's personal data protection practices as described in Bursa's Personal Data Notice, (available at <http://www.bursamalaysia.com/personal-data-notice>) would apply.

[This paragraph is only applicable to individual guarantor(s), if any]

You understand that as a guarantor, RHB will process your personal information according to the Purpose described above and that you will have similar rights to access and correct your personal information as described above.

ACKNOWLEDGEMENT AND CONSENT

By providing your personal information and signature, you consent to RHB processing your personal information for any necessary disclosures and overseas transfers of your personal information to relevant third parties, for the Purpose, if applicable.

You agree to the disclosure and/or transfer of your personal information to relevant third parties as a result of any restructuring, sale or acquisition of any company within the RHB Banking Group, provided that the recipient uses your personal information for the Purpose, if applicable.

You also represent and warrant that you have sufficiently obtained the consent of third party individual(s) (e.g. family, spouse, related parties, supplementary cardholder and/or emergency contact persons, etc) whose personal information you have disclosed to RHB to allow RHB to process the same in relation to the Purpose, if applicable.

[This paragraph is only applicable to the authorized signatory(s)/contact person(s) of RHB's corporate customer(s), if any]

As the authorized signatory(s)/contact person(s) of RHB's corporate customer, you understand that personal information of the directors, individual shareholders, employees, other authorised signatories, individual guarantors, individual security providers, suppliers/vendors and/or related parties etc, may be collected and processed by RHB for the Purpose described above. You represent and warrant that you are entitled to provide the said personal information to RHB and/or the appropriate consent have been obtained to allow RHB to process the said personal information for the Purpose.

[This paragraph is only applicable to parent/legal guardian/next-of-kin/authorized representative of Junior Accountholder(s), if any]

If you are providing consent as parent / legal guardian / next-of-kin / authorized representative of a junior applicant, you understand that the personal information of the junior applicant will be processed by RHB for the Purpose described above.

Signature: _____

Name: _____

MyKad No. : _____

NOTIS PRIVASI RHB

Anda faham bahawa RHB Islamic Bank Berhad (680329-V) ("**RHB**") akan menggunakan, mengumpul, merekod, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi anda, termasuk, tanpa had, butir-butir pengenalan anda, maklumat latar belakang, data kewangan, penduduk cukai dan maklumat lain yang berkaitan dengan permohonan anda untuk produk dan / atau perkhidmatan yang

- a) telah anda berikan di dalam borang ini atau melalui sebarang perhubungan lain dengan Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, syarikat-syarikat subsidiari, dan mana-mana syarikat yang berkenaan, termasuk mana-mana syarikat yang terhasil daripada mana-mana penyusunan semula, penggabungan, jualan atau pengambilalihan) atau
- b) diperolehi daripada analisis pembayaran anda dan urusan/perkhidmatan yang lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, atau
- c) diperolehi daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon bersama/pemegang-pemegang akaun, penjamin-penjamin, wakil-wakil perundangan, persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak-pihak berkuasa kerajaan, biro-biro kredit atau agensi-agensi pelaporan kredit, penjual-penjual, rangkaian-rangkaian sosial dan agensi-agensi pencegahan penipuan atau organisasi-organisasi lain,

untuk mana-mana dan/atau semua tujuan-tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkaitan:

- (i) menyediakan produk dan/atau perkhidmatan ini dan memaklumkan anda tentang sebarang perubahan penting atau perkembangan tentang ciri-ciri produk dan/atau perkhidmatan tersebut;
- (ii) mengemaskini dan menguruskan ketepatan rekod Kumpulan Perbankan RHB;
- (iii) pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan pematuhan obligasi-obligasi perundangan dan peraturan;
- (iv) penilaian dan analisis termasuk pemarkahan kredit / pinjaman / risiko insurans / kelakuan, analisis pasaran dan produk dan penyelidikan pasaran;
- (v) perhubungan dan memastikan kepuasan pelanggan, yang mungkin termasuk menjalankan kajian-kajian meningkatkan kualiti produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami, membalas kepada pertanyaan dan aduan serta untuk menyelesaikan percanggahan secara umumnya;
- (vi) menentukan jumlah hutang anda dan pemungutan hutang yang anda berhutang kepada RHB;
- (vii) mengekalkan sejarah kredit anda untuk rujukan semasa dan akan datang;
- (viii) membolehkan pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan oleh RHB, atau peserta atau sub peserta RHB untuk menilai urusan niaga anda yang bertujuan untuk menjadi subjek penyerahhakan, penyertaan atau sub penyertaan;
- (ix) melindungi kepentingan Kumpulan Perbankan RHB dan tujuan sampingan atau tujuan lain yang berkenaan;
- (x) penjualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan rakan-rakan kongsi strategik; atau
- (xi) bagi acara-acara korporat RHB (termasuk acara rangkaian, pelancaran produk, dan lain-lain) / pertandingan, di mana gambar / imej anda mungkin akan ditangkap dan boleh digunakan untuk penerbitan RHB.

Anda faham dan mengakui bahawa RHB perlu memproses maklumat peribadi anda untuk Tujuan tersebut, tanpanya RHB tidak akan dapat menyediakan produk/perkhidmatan yang anda minta daripada RHB dan untuk memaklumkan anda tentang sebarang perubahan penting atau perkembangan tentang produk/perkhidmatan tersebut. Di mana anda telah memberi RHB maklumat peribadi sensitif (khususnya, maklumat tentang kesihatan fizikal / mental anda untuk permohonan bagi produk insurans / perkhidmatan), anda dengan ini memberikan RHB persetujuan nyata anda untuk memproses mengikut cara yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Anda boleh menjalankan pilihan anda berkenaan dengan menerima bahan-bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang dinyatakan di atas) pada bila-bila masa dengan melawat [isikan hyperlink] atau hubungi [isikan butir-butir hubungan].

Anda faham bahawa RHB mungkin akan mendedahkan maklumat peribadi anda (atau maklumat peribadi sensitif, jika berkenaan) kepada syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan Perbankan RHB, penyedia-penyedia perkhidmatan, peniaga-peniaga dan rakan-rakan kongsi strategik, pembekal-pembekal termasuk agensi-agensi pemungutan hutang, penasihat-penasihat profesional, persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan, biro-biro kredit atau agensi-agensi pelaporan kredit dan pencegahan penipuan, agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen, pekerja, dan/atau mana-mana orang mereka, sama ada bertempat di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkenaan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, piawaian, garis panduan dan / atau obligasi) yang terpakai kepada RHB.

Anda juga faham bahawa anda boleh meminta untuk membuat pembetulan (jika maklumat peribadi anda adalah tidak tepat, ketinggalan zaman, tidak lengkap, dan lain-lain), akses kepada (fi yang ditetapkan mungkin dikenakan), atau untuk menghapuskan (jika anda tidak lagi mempunyai apa-apa produk/perkhidmatan yang sedia ada dengan Kumpulan Perbankan RHB) ke atas maklumat peribadi anda atau mengehadkan pemrosesan itu pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut melalui pos, e-mel atau faks kepada alamat berikut:

RHB Banking Group Customer Care Centre
Level 7 Menara AA, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telephone number: 03 9206 8118
Facsimile number: 03 9206 8088
Email: customer.service@rhbgroup.com

Anda mengakui bahawa Kumpulan Perbankan RHB boleh mengubahsuai atau mengemas kini Notis Privasi ini dari masa ke semasa, di mana salinannya boleh didapati di www.rhbgroup.com dan anda boleh menyalurkan sebarang aduan atau pertanyaan yang anda mungkin ada dengan cara yang ditunjukkan di atas.

[Perenggan ini hanya terpakai kepada pelanggan-pelanggan RHB Investment Bank Berhad sahaja, jika ada]

Anda faham bahawa RHB dikawal oleh Bursa Malaysia, dan data peribadi anda mungkin didedahkan kepada mana-mana entiti Bursa yang berkaitan (di mana akan merangkumi Bursa Malaysia Berhad, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad, atau Bursa Malaysia Derivatives Berhad) (secara kolektif, "**Bursa Malaysia**") untuk tujuan perundangan, peraturan dan pentadbiran, jika berkenaan. Di mana data peribadi anda didedahkan kepada Bursa Malaysia, anda faham bahawa amalan perlindungan data peribadi Bursa Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Notis Data Peribadi Bursa, (boleh didapati di <http://www.bursamalaysia.com/personal-data-notice>) akan terpakai.

[Perenggan ini hanya terpakai kepada penjamin-penjamin individu, jika ada]

Anda faham bahawa sebagai penjamin, RHB akan memproses maklumat peribadi anda mengikut Tujuan yang dinyatakan di atas dan anda akan mempunyai hak-hak yang sama untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda seperti yang dinyatakan di atas.

PENGIKTIRAFAN DAN KEBENARAN

Dengan memberikan maklumat peribadi anda berserta tandatangan, anda mengizinkan RHB memproses maklumat peribadi anda untuk mana-mana pendedahan yang diperlukan dan pemindahan maklumat peribadi anda ke luar negara kepada pihak ketiga yang berkaitan, jika berkenaan.

Anda bersetuju dengan pendedahan dan/atau pemindahan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga yang berkaitan akibat daripada apa-apa penyusunan semula, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, dengan syarat bahawa penerima menggunakan maklumat peribadi anda untuk Tujuan tersebut sahaja.

Anda juga menyatakan dan menjamin bahawa anda telah cukup memperolehi persetujuan individu-individu pihak ketiga (contohnya keluarga, pasangan, pihak-pihak berkaitan, pemegang kad tambahan dan/atau orang hubungan kecemasan, lain-lain) di mana maklumat peribadi mereka telah anda dedahkan kepada RHB untuk membenarkan RHB membuat pemrosesan yang sama berhubung dengan Tujuan, jika berkenaan.

[Perenggan ini hanya terpakai kepada penandatanganan yang diberi kuasa/orang yang boleh dihubungi daripada pelanggan-pelanggan korporat RHB, jika ada]

Sebagai penandatanganan yang diberi kuasa/orang yang boleh dihubungi daripada pelanggan korporat RHB, anda memahami bahawa maklumat peribadi pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham individu, pekerja-pekerja, penandatanganan lain yang diberi kuasa, penjamin individu, penyedia keselamatan individu, pembekal-pembekal dan/atau pihak-pihak berkaitan dan lain-lain, boleh dikumpul dan diproses oleh RHB untuk Tujuan yang dinyatakan di atas. Anda menyatakan dan menjamin bahawa anda berhak untuk memberikan maklumat peribadi tersebut kepada RHB dan / atau persetujuan yang sesuai telah diperolehi untuk membolehkan RHB memproses maklumat peribadi untuk Tujuan tersebut.

[Perenggan ini hanya terpakai kepada ibu bapa/penjaga undang-undang/waris/wakil bagi pemegang-pemegang Akaun Junior, jika ada]

Jika anda memberikan persetujuan sebagai ibu bapa/penjaga undang-undang/waris/wakil bagi pemohon kanak-kanak, anda faham bahawa maklumat peribadinya akan diproses oleh RHB untuk Tujuan yang dinyatakan di atas.

Tandatangan: _____

Nama: _____

No.KP: _____